



Tarikh Iklan : 21 Januari 2022

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Pahang**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub.**

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF PERKHIDMATAN	KADAR UPAH
1.	PEREKA	B19	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)	RM54.00/HARI

**PEREKA (GRED B19) (SAMBILAN HARIAN) – 1 Kekosongan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut :
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c)
    - (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan atau
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut atau
    - (iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau
    - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau
    - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv) dan 1(c)(v), hendaklah memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 2. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama Salinan sijil-sijil dan mengikut susunan berikut :-
  - i. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
  - ii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah Rendah/Menengah
  - iii. Salinan Sijil MCE/SPM atau setaraf
- b. Permohonan hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- c. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di <http://pahang.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.
- c. Tarikh tutup permohonan adalah pada **3 Febuari 2022 (Khamis)**.
- d. Sila kemukakan permohonan kepada :



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TIMBALAN PENDAFTAR  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENGKA  
26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENGKA  
PAHANG DARUL MAKMUR**

**NO.TEL: (09-4602000 / 2032)**